

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DALAM PTV

KOD MATA PELAJARAN : BBC 3012

KURSUS : IJAZAH SARJANA MUDA  
PENDIDIKAN TEKNIK DAN  
VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : Jawab semua soalan dalam borang  
OMR

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEBELAS MUKA SURAT

**SULIT**

Soalan 1 hingga 40.

Arahan: Pilih jawapan yang paling tepat.

- S1 Istilah *computer savvy* bermaksud seseorang yang mampu melakukan perkara berikut kecuali \_\_\_\_\_.
- A mampu membuat keputusan pembelian yang baik.
  - B mengetahui risiko penggunaan komputer.
  - C mengelak gangguan penggadam komputer (*hackers*).
  - D tahu bahasa pengaturcaraan komputer.
- S2 Manakah di antara berikut bukan merupakan cabaran yang dihadapi oleh manusia dalam era digital?
- A Perisian cetak rompak.
  - B Pengambilan maklumat persendirian.
  - C Peningkatan kos.
  - D Penyebaran virus.
- S3 Pilih kenyataan yang betul mengenai unit storan komputer.
- A 1 KB mengandungi 1024 *bytes*.
  - B 1 MB mengandungi 1024 *bytes*.
  - C 1 TB mengandungi 10 GB.
  - D 1 GB mengandungi 1juta MB.
- S4 Manakah di antara berikut merupakan fungsi peranti masukan/ *input devices*?
- A Alat untuk memproses data
  - B Alat kemasukan data untuk diproses
  - C Alat pengeluaran data
  - D Alat untuk mengawal data
- S5 Unit Sistem (*System Unit*) mengandungi kesemua peralatan yang di bawah kecuali
- A monitor.
  - B *motherboard*.
  - C CPU.
  - D unit memori.

- S6 Berikut adalah cara-cara virus disebarkan melalui komputer. Pilih kenyataan yang tidak benar.
- A Virus menambah bilangannya dengan sendiri.
  - B Virus hanya boleh disebarkan melalui internet.
  - C Virus banyak disebarkan melalui perkongsian data.
  - D Virus sentiasa berubah bentuk apabila berada di dalam komputer.
- S7 Apakah *Firewall*?
- A Sejenis perisian atau perkakasan sebagai alat keselamatan dari pencerobohan.
  - B Sejenis perisian anti virus.
  - C Sejenis perkakasan yang mengawal kelajuan data.
  - D Sejenis alat yang diguna untuk menyambung kamera ke komputer.
- S8 *Ergonomic* merupakan faktor yang sering dikaitkan dengan \_\_\_\_\_.
- A kelajuan
  - B kesihatan
  - C rintangan
  - D saiz
- S9 *Port* adalah soket penyambung yang terletak di luar unit sistem. Manakah antara berikut merupakan *port* yang paling laju berbanding *port* yang lain?
- A *Port* selari
  - B *VGA Port*
  - C *Port* Bas bersiri *Universal (USB)*
  - D *Port FireWire*
- S10 Unit Sistem (*System Unit*) adalah terdiri daripada semua peralatan di bawah kecuali
- A bekalan kuasa.
  - B papan kekunci.
  - C papan sistem/induk (*motherboard*).
  - D kad pengembangan (*expansion card*).
- S11 Papan kunci yang manakah memudahkan pengguna memasukkan data?
- A QWERTY
  - B ASDFGH
  - C DVORAK
  - D AEIOU

- S12 Terminal ialah satu peranti input yang menghubungkan stesyen kerja (*workstation*) dengan kerangka utama atau komputer pelayan. Manakah antara berikut merupakan terminal yang digunakan untuk memasukkan dan menerima data sahaja?
- A Terminal Cerdas (*Intelligent Terminal*).
  - B Terminal Dungu (*Dumb Terminal*).
  - C Terminal Rangkaian (*Network Terminal*).
  - D Terminal Sehalu (*One-way Terminal*).
- S13 Berikut adalah merupakan peranti penuding (*pointer device*) yang digunakan untuk memasukkan data kecuali
- A kayu ria (*joy stick*).
  - B skrin sentuh (*touch screen*).
  - C tetikus.
  - D papan kekunci.
- S14 Tetikus jenis ini menggunakan pengesan cahaya, tidak memerlukan *mouse pad*, dan mudah dibersihkan. Tetikus yang dimaksudkan adalah
- A tetikus optik.
  - B tetikus bebola.
  - C tetikus tanpa wayar.
  - D tetikus *trackball*.
- S15 Pilih satu daripada kelemahan penggunaan monitor LCD berbanding monitor CRT.
- A Menggunakan ruang yang kurang.
  - B Penggunaan tenaga yang kurang.
  - C Sudut pandangan yang kurang.
  - D Mengeluarkan radiasi yang kurang.
- S16 Salah satu jenis pencetak di bawah adalah merupakan jenis pencetak hentaman (*impact printer*).
- A Pencetak laser
  - B Pencetak termal
  - C Pencetak pancut dakwat (*inkjet*)
  - D Pencetak *Dot Matrix*

- S17 Peranti storan manakah yang dikenali sebagai storan *primer*?
- A Ingatan (RAM).
  - B Cakera Keras.
  - C Cakera Liut.
  - D CD-ROM.
- S18 Semua pernyataan di bawah adalah benar kecuali
- A simbol yang digunakan untuk Sistem Perduaan ialah 0,1
  - B simbol yang digunakan untuk Sistem Perpuluhan ialah 0,1,2,3,4,5,6,7,8,9
  - C simbol yang digunakan untuk Sistem Perenambelasan ialah 0,1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15
  - D simbol yang digunakan untuk Sistem Perlapanan ialah 0,1,2,3,4,5,6,7
- S19 Perisian sistem adalah perisian yang
- A membantu pengoperasian komputer.
  - B digunakan untuk membuat kerja-kerja di rumah, sekolah dan di tempat kerja.
  - C digunakan untuk menyelenggara sistem komputer.
  - D menghubungkan pengguna dengan internet.
- S20 Yang manakah perisian di bawah ini yang merupakan perisian *productivity*?
- I *Microsoft PowerPoint*
  - II *Word Perfect*
  - III *Corel Draw*
  - IV *Microsoft Outlook*
- A I, II dan III sahaja.
  - B I, III dan IV sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV sahaja.
- S21 Apakah pernyataan yang benar tentang perisian *word processing*?
- A Anda boleh meletakkan pengiraan secara automatik ke dalam *cell*.
  - B Anda boleh membuat persembahan menggunakan perisian ini dengan mudah.
  - C Anda boleh menggunakan *wizard* untuk membina sesuatu dokumen dengan mudah.
  - D Anda boleh mengorganisasikan data dalam beberapa kumpulan kategori dengan mudah.

- S22 Perisian ini biasanya digunakan untuk membuat pengiraan dan analisis berangka. Perisian ini berada dalam kategori
- A pemprosesan perkataan
  - B *spreadsheet*
  - C persembahan
  - D *personal information manager*
- S23 Yang manakah antara perisian berikut bukan berada dalam kategori pangkalan data?
- I *My SQL*
  - II *Corel Paradox*
  - III *Microsoft Access*
  - IV *Lotus Organizer*
- A I, II dan III sahaja.
  - B I, III dan IV sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I dan III sahaja.
- S24 Perisian *productivity* membenarkan anda melakukan pelbagai tugas yang diperlukan di rumah, sekolah dan pejabat. Antara *features* yang disediakan oleh perisian ini adalah
- I *Wizard*
  - II *template*
  - III *dictionary*
  - IV *macros*
- A I, II, dan III sahaja.
  - B I, II dan IV sahaja.
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.
- S25 *Microsoft Project, Rand McNally's StreetFinder* dan *GoldMine Business Contact Manager* tergolong dalam kategori perisian
- A *general business.*
  - B *personal financial.*
  - C *specialized business.*
  - D *organization business.*

S26 Perisian *Desktop publishing* membenarkan pengguna

- A mengubah rupa bentuk sesuatu gambar dan imej.
- B membina dan mengubah lukisan 2 dimensi.
- C menggabung dan mengubah grafik dan teks dalam sesuatu dokumen.
- D membina reka bentuk 3 dimensi secara automatik, lukisan teknikal dan visual model.

S27 Apakah keistimewaan yang ada pada perisian *web authoring*?

- I Mereka bentuk *website* tanpa mengetahui HTML.
- II Boleh memvisualkan sesuatu reka bentuk terlebih dahulu sebelum reka bentuk sebenar.
- III Menawarkan *wizard* dan reka bentuk *template*.
- IV Murah.

- A I dan II sahaja.
- B III dan IV sahaja.
- C I dan III sahaja.
- D I dan IV sahaja.

Untuk S28, rujuk Jadual 1.

**Jadual 1**

<b>A</b>	Perisian ini membantu pengguna yang berada di beberapa lokasi untuk bekerja bersama menggunakan <i>email</i> dan penjadualan <i>online</i> .
<b>B</b>	Menghantar audio (bunyi) dan video (gambar) menerusi rangkaian komputer.
<b>C</b>	Menghantar panggilan telefon menerusi internet.

S28 Berdasarkan Jadual 1, apakah A, B dan C?

- A *Web conferencing*, *groupware* dan *telephony*.
- B *Groupware*, *telephony* dan *video conferencing*.
- C *Telephony*, *groupware* dan *video conferencing*.
- D *Groupware*, *video conferencing* dan *telephony*.

S29 Port selari mempunyai

- A 24 pin
- B 25 pin
- C 26 pin
- D 27 pin

- S30 Berikut merupakan cara untuk menilai kebolehpercayaan sistem (*reliability system*) dari segi prestasi (*performance*) kecuali
- A *slow.*
  - B *freezes.*
  - C *crashes.*
  - D *disable.*
- S31 RAM adalah merupakan satu ingatan yang
- A tidak kekal.
  - B tidak meruap.
  - C tidak boleh diubah.
  - D tidak boleh ditulis.
- S32 Penambahan RAM bagi sesebuah unit komputer dapat
- A meningkatkan ruang ingatan.
  - B meningkatkan kualiti gambar.
  - C meningkatkan prestasi sistem.
  - D meningkatkan keupayaan bunyi.
- S33 Pemacu cakera keras (*hard disk drive*) adalah merupakan peranti
- A input.
  - B storan.
  - C output.
  - D pemprosesan.
- S34 *Portable storage* berupaya untuk
- A memuat naik data.
  - B memuat turun data.
  - C memindahkan data.
  - D mengemaskini data.
- S35 Apakah nama *port* yang digunakan dalam proses *video capturing*?
- A *USB port*
  - B *LPT 1 port*
  - C *Ethernet port*
  - D *FireWire port*



- S36 Berikut merupakan perkara yang perlu diketahui bagi monitor sesebuah komputer kecuali
- A saiz.
  - B jenis.
  - C warna.
  - D resolusi.
- S37 Berikut merupakan jenis-jenis bagi RAM kecuali
- A VRAM.
  - B SRAM.
  - C DRAM.
  - D SDRAM.
- S38 Di dalam peralatan sistem (*system tools*), apakah kegunaan *disk defragmenter*?
- A Menyusun data di dalam storan komputer.
  - B Memproses data di dalam storan komputer.
  - C Memperbaiki data di dalam storan komputer.
  - D Mengubahsuai data di dalam storan komputer.
- S39 Proses mengemaskini fail di antara PDA dan komputer dikenali sebagai
- A *bypassing*.
  - B *synchronizing*.
  - C *programming*.
  - D *RSS feeding*.
- S40 Seseorang yang mempunyai satu talian internet di rumahnya dan ingin menukarkannya kepada sambungan tanpa wayar (*wireless*) bagi beberapa komputer lain perlu membeli alat yang berikut.
- A *wireless router*
  - B *wireless modem*.
  - C *switch dan hub*.
  - D *network card*.

Soalan 41 hingga 60

Arahan: Tandakan A jika betul dan B jika salah di dalam borang OMR.

- S41 Papan kekunci jenis DVORAK bertujuan untuk mengurangkan ketegangan pada jari.
- S42 Internet merupakan sistem yang mengandungi maklumat yang berformatkan multimedia.
- S43 Web merupakan sistem infrastruktur fizikal seperti *router*, *server*, dan pemacu cakera.
- S44 MODEM bertujuan untuk menukarkan signal analog kepada digital dan sebaliknya.
- S45 Sambungan *broadband* adalah lebih pantas dari sambungan *dial-up*.
- S46 *BlueHyppo* merupakan sejenis ISP.
- S47 *Tab Browsing* dimulakan oleh *Internet Explorer* dan diikuti oleh *Mozilla Firefox*.
- S48 Nama domain bagi website UTHM adalah *uthm*.
- S49 SKYPE merupakan *Instant Messaging Software*.
- S50 *Cookies* merupakan sejenis *spyware*.
- S51 Video yang ditonton secara *online* adalah menggunakan teknologi *streaming*.
- S52 *Microsoft Access* merupakan sejenis perisian lembaran kerja/*spreadsheet*.
- S53 *Microsoft Office* dikategorikan sebagai *Integrated Software*.
- S54 *Dreamweaver* digunakan untuk menghasilkan laman web.

- S55 Salah satu tugas OS adalah untuk menguruskan memori sesebuah komputer.
- S56 Sistem *Dolby Digital 5.1* menggunakan 4 pembesar suara dan 1 *subwoofer*.
- S57 Sambungan USB 2.0 adalah lebih pantas dari sambungan *Firewire*.
- S58 Majoriti sambungan internet di UTHM adalah menggunakan talian tetap *Ethernet*.
- S59 Teknologi *Bluetooth* menggunakan gelombang UHF untuk berfungsi.
- S60 Telefon bimbit berjenama Nokia menggunakan *Symbian* sebagai OS.

(60 markah)